

# Peluang bendung virus semakin tipis

**WHO bimbang kes terus merebak seluruh dunia**

**Geneva:** Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) memberi amaran bahawa peluang membendung wabak COVID-19 semakin tipis ketika wabak itu terus merebak ke seluruh dunia.

Ketua Pengarah WHO, Tedros Adhanom Ghebreyesus, menegaskan sejak beberapa minggu lalu jumlah kes COVID-19 yang rendah di luar pusat wabak di wilayah Hubei memberikan peluang untuk membendung penyebaran pada peringkat global.

Bagaimanapun apabila kes melanda Asia Barat dan Korea Selatan kelmarin, buat kali pertama kali beliau memberi amaran bahawa 'kita masih pada fasa di mana usaha membendung boleh berlaku, namun peluang kita semakin mengecil'.

Beliau memberi amaran jika



**Tedros Adhanom Ghebreyesus**

dunia tidak segera menggerakkan usaha melawan penyebarannya, 'wabak ini boleh pergi ke mana-mana arah. Ia juga boleh menjadi teruk'.

Wabak yang bermula pada Disember lalu sudah meragut lebih 2,200 nyawa dan menjangkiti 75,500 mangsa di China. Lebih 1,150 orang juga dijangkiti dengan berpuluhan maut di 32 negara lain.

Kelmarin, kes maut akibat virus dilaporkan di pelbagai negara di Asia Barat, termasuk di Israel dan Lubnan buat kali pertama, manakala Iran berkata, empat orang meninggal dunia dan 18 dijangkiti virus

berkenaan.

Jangkitan juga hampir dua kali ganda di Korea Selatan dengan 346 kes setakat ini, menjadikannya negara paling teruk di luar China.

Di Eropah, 10 bandar raya Itali menutup bar, sekolah dan pejabat berikutkan lebih 16 kes virus dilaporkan.

Amerika Syarikat menasihatkan rakyatnya untuk mengelak perjalanan dengan pelayaran kapal persiaran di Asia.

Tedros menegaskan walau pun jumlah kes di luar China kekal kecil secara relatifnya, beliau menyuarakan keimbangan mengenai bilangan kes tanpa pautan epidemiologi yang jelas, seperti sejarah perjalanan atau hubungan dengan kes yang disahkan.

Beliau turut mendesak negara di seluruh dunia untuk 'betul-betul serius' dalam usaha mencegah penyebaran virus itu.

"Kita tidak perlu melihat ke belakang dan menyesal bahawa kita gagal mengambil peluang daripada peluang sedia ada," katanya.

AFP